- 7.6.3 Kod Program/Aktiviti mengandungi enam (6) aksara (nombor). Dua (2) aksara yang pertama menandakan satu tahap program dan empat (4) aksara seterusnya pula menandakan bahagian kecil program dari tahap satu (1) hingga empat (4) bagi aktiviti/aktiviti kecil yang

berkaitan. Ini membolehkan pertimbangan dibuat oleh setiap Kementerian/Jabatan dalam membentuk kod Program/Aktiviti bagi memenuhi keperluan operasi dan menjalankan kawalan pengagihan sumber peruntukan.

7.6.4 Berikut adalah contoh kod aktiviti dibentuk :

99	99	99
Prog.	Akt.	Akt. Kecil

Dua (2) aksara pertama dalam medan aktiviti mengandungi elemen aktiviti dengan maksimum 99 aktiviti dan dua (2) aksara yang berikutnya untuk elemen aktiviti kecil juga dengan maksimum 99 aktiviti kecil.

99	9999
Prog.	Akt.

Satu tahap aktiviti disediakan dengan maksimum 9999 aktiviti pada tahap tersebut.

99	999	9
Prog.	Akt.	Akt. Kecil

Tiga (3) aksara yang pertama dalam medan aktiviti mengandungi elemen aktiviti dengan maksimum 999 aktiviti dan pecahan elemen aktiviti yang selanjutnya adalah ditunjukkan oleh aksara terakhir dengan maksimum sembilan (9) aktiviti kecil.

99	9	999
Prog.	Akt.	Akt. Kecil

Aksara pertama dalam medan aktiviti mengandungi maksimum sembilan (9) aktiviti dan tiga (3) aksara yang terakhir mengandungi maksimum 999 aktiviti kecil.

7.7 Penentuan Kod Program/Aktiviti Dan Perihal

- 7.7.1 Penentuan kod Program/Aktiviti dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan bersesuaian dengan pengkelasan dan struktur garis panduan *Outcome Based Budgeting*.
- 7.7.2 Setiap kod mesti disertakan dengan keterangan yang tepat tentang Program/Aktiviti yang berkenaan. Keterangan ini perlu disingkatkan mengikut singkatan nama dan perihal yang telah ditetapkan oleh JANM serta tidak melebihi saiz medan komputer yang dibenarkan untuk tujuan pelaporan.
- 7.7.3 Selepas pembentukan dan keterangan kod disediakan oleh Kementerian/Jabatan, kod tersebut perlu dikemukakan kepada JANM untuk dikemaskini dalam Sistem 1GFMS sebelum diedarkan kepada pengguna.

8. KOD PROJEK

8.1 Takrifan Projek

- 8.1.1 Projek boleh ditakrifkan sebagai suatu rancangan yang diurus atau ditadbir yang melibatkan manusia, bahan dan sumber kewangan bagi memikul atau bertanggungjawab melaksanakan speksifikasi serta skop kerja dalam lingkungan kekangan masa serta kos bagi mencapai suatu perubahan menguntungkan yang dinilai melalui kuantiti dan kualiti.
- 8.1.2 Projek adalah gabungan di antara pengurusan dan bahan-bahan yang digunakan. Projek wujud dengan permulaan dan mempunyai matlamat, memerlukan bahan-bahan, pengurusan dan berhubungkait antara satu sama lain.
- 8.1.3 Kod projek adalah kod yang terdiri daripada 15 aksara nombor yang mewakili setiap projek pembangunan. Kod projek ini adalah unik dan tunggal (*mutually exclusive*).

8.2 Tujuan Pengkelasan Projek

- 8.2.1 Pengkelasan projek bertujuan untuk memantau dan menyelaraskan aktiviti pembangunan bagi sesuatu Kementerian/Jabatan yang akan dilakukan bagi suatu tempoh tahun kewangan dan sepanjang tempoh pembangunan dilaksanakan.
- 8.2.2 Pengkelasan projek juga digunakan untuk pengendalian dan kawalan kewangan operasi Kementerian/Jabatan. Pengurusan maklumat projek melibatkan beberapa agensi dengan fungsi yang berbeza seperti berikut:
- (a) Proses pewujudan dan pendaftaran oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
 - (b) Proses Anggaran Perbelanjaan tahunan projek di Perbendaharaan;
 - (c) Proses pengesanan pelaksanaan projek di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri; dan
 - (d) Proses pembayaran projek di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

8.3 Penggunaan Kod Projek

- 8.3.1 Selain mewakili setiap projek pembangunan, kod projek digunakan bagi tujuan penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahunan serta merekod perbelanjaan pada tahun semasa. Kod projek 15 aksara digunakan pada dokumen kewangan bagi tujuan kawalan belanjawan dan mengaun penggunaan sumber projek pembangunan oleh PTJ/PK.
- 8.3.2 Bagi maksud kawalan belanjawan di peringkat Kementerian/Jabatan untuk pelaporan Penyata Kewangan Persekutuan mengikut Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, kesemua 15 aksara Kod Projek termasuk tiga (3) aksara untuk Vot, lima (5) aksara untuk Butiran, tiga (3) aksara untuk SETIA, empat (4) aksara untuk Sub-SETIA dan cara pembiayaan secara langsung atau pinjaman perlu dikuncimasuk oleh Kementerian/Jabatan.

- 8.3.3 Sebarang pelarasan berkaitan projek perlu dibuat di peringkat kod projek 15 aksara yang akan diaggregatkan di peringkat butiran seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan. PTJ/PK hanya boleh menggunakan kod projek yang berkaitan dengan skop operasinya sahaja. Ini akan ditentukan dan dibenarkan seperti yang tercatat di Waran Peruntukan yang memberi kuasa tentang tujuan, amaun dan jenis perbelanjaan yang mungkin dikenakan olehnya.
- 8.3.4 Kod Carta Akaun Akruan perlu dicatatkan di dalam medan Kod Akaun untuk sebarang urusniaga yang melibatkan perbelanjaan pembangunan.

8.4 Contoh Penggunaan Kod Projek

Waran Peruntukan

- 8.4.1 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengeluarkan Waran Peruntukan Kecil pembangunan kepada Cawangan Kerja Bangunan Am, Jabatan Kerja Raya bagi pelaksanaan satu projek pembangunan.

Andaian

Pejabat Pembayar

Pegawai Pengawal	:	C6
Kumpulan PTJ Gunasama	:	35 - Jabatan Kerja Raya
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos Menerima	:	231000 - Cawangan Kerja Bangunan Am

Pejabat Dipertanggung

Vot	:	P24
Pegawai Pengawal	:	C4

Kumpulan PTJ	:	33 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos Mengeluar	:	201011 - Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Projek	:	005310040004 - Zon Perindustrian Bebas

SPANM BIL. 7/2017
LAMPIRAN A

			KERAJAAN MALAYSIA WARAN PERUNTUKAN										(Kew. 308E : Pin. 1/2016) Muka surat /	
Belanjawan Bagi Tahun 2018														
Jenis Urusniaga			Pejabat Perakaunan			No.Dokumen			Tarikh Dokumen			Tarikh Dokumen Diterima		
F4			1115			D0001			03.02.2018			03.02.2018		
Kod Pegawai Pengawal Mengeluar			C4		Perihal Pegawai Pengawal Mengeluar : Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri									
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Mengeluar			33201011		Perihal Kumpulan PTJ : Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri									
					Perihal Pusat Tanggungjawab : Bahagian Pentadbiran & Kewangan									
Perihal														
1. Tuan adalah diberi kuasa melakukan perbelanjaan yang ditentukan di bawah dalam tempoh 01 hb Januari hingga 31 Disember YYYY. Untuk berbuat demikian, waran ini bersama dengan Bil Perakuan dan Penyelesaian yang sempurna adalah mencukupi bagi melepaskan tanggungan ini. 2. Perbelanjaan yang melebihi peruntukan ini adalah tidak dibenarkan melainkan jika ada peruntukan tambahan yang diberi kepada tuan melalui waran peruntukan selanjutnya.														
KEGUNAAN MEMBATALKAN REKOD PERUNTUKAN SAHAJA														
No. Dokumen Kawalan								No. Rujukan Dokumen						
PERUNTUKAN DIMASUK KIRA KEPADA AKAUN-AKAUN DI BAWAH														
KOD MENERIMA			KOD DIPERTANGGUNG											
Bil.	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ & PTJ	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ & PTJ	Vot	Program / Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Objek	Amaun (RM)	+ / -	
1	C6	35231000	C4	33201011	P24		00531	004	0004			2,000,000.00	+	
2														
JUMLAH												2,000,000.00	+	

Penyata Pemungut

- 8.4.2 Jabatan Kerja Raya Cawangan Elektrik Johor telah menerima bayaran balik bagi pembayaran perbelanjaan pembangunan daripada pihak perunding yang tersilap dibayar pada tahun semasa.

Andaian

Pejabat Pembayar/Pemungut

Pegawai Pengawal	:	C6
Kumpulan PTJ Gunasama	:	35 - Kementerian Kerja Raya
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos	:	271000 - JKR Elektrik Johor

Pejabat Dipertanggung

Vot	:	P64
Pegawai Pengawal	:	E3
Kumpulan PTJ	:	61 - Kementerian Pendidikan (Pendidikan Tinggi)
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos	:	120101 - Bahagian Pembangunan
Projek	:	019000510000 UTM – Peningkatan Infrastruktur eKampus JB(RMT)
Kod Akaun	:	A2033107 - Kemudahan Bekalan Elektrik

SPANM BIL. 7/2017
LAMPIRAN A

		KERAJAAN MALAYSIA PENYATA PEMUNGUT										(Kew. 305E : Pin. 1/2016) Muka surat /	
Tahun Kewangan 2018													
Jenis Urusniaga		Pejabat Perakaunan		No.Dokumen		Tarikh Dokumen				Tarikh Dokumen Diterima			
D1		1104		D0122		12.01.2018				12.01.2018			
Kod Pegawai Pengawal Penyedia		C6		Perihal Pegawai Pengawal: Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya									
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Penyedia		35271000		Perihal Kumpulan PTJ : Kementerian Kerja Raya Perihal PTJ : JKR Elektrik Johor									
Jenis Pungutan		C		Perihal Pungutan: Bayaran balik bagi pembayaran perbelanjaan pembangunan daripada pihak perunding yang tersilap dibayar									
Tempoh Pungutan										Tarikh Diterima Oleh Bank			
Dari :		11.01.2018		Hingga :		11.01.2018							
PUNGUTAN DIMASUKIRA KE DALAM AKAUN-AKAUN DI BAWAH													
Kod Dipertanggung													
Bil.	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ/PTJ	Vot/Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Kod Akaun	Kod Pembekal	Amaun		
	Perihal										RM	Sen	
1	E3	61120101	P64		01900	051	0000		A2033107		50,000	00	
2													
	JUMLAH										50,000	00	

Baucar Jurnal

- 8.4.3 Markas Medan Tentera Darat membuat pelarasan kerana tersalah caj perbelanjaan bagi projek Perumahan Tentera Darat, Batu Pahat yang dicajkan ke projek Perolehan Peralatan Komunikasi Tentera Darat.

Andaian

Vot	:	P60
Pegawai Pengawal	:	E1
Kumpulan PTJ	:	51 - Kementerian Pertahanan
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos	:	340101 - Markas Medan Tentera Darat
Projek 1	:	002001000137 - Perolehan Peralatan Komunikasi Tentera Darat
Projek 2	:	084000130000 - Perumahan Tentera Darat, Batu Pahat
Kod Akaun	:	A1635691 - Alat Kelengkapan dan Peralatan Pertahanan

SPANM BIL. 7/2017
LAMPIRAN A

		KERAJAAN MALAYSIA BAUCAR JURNAL										(Kew. 306 : Pin. 1/2016) Muka surat /		
		Tahun Kewangan 2018												
Jenis Urusniaga		Pejabat Perakaunan		No.Dokumen		Tarikh Dokumen		Tarikh Dokumen Diterima		Bulan Perakaunan		AP58(a)		
S2		1106		C0013		14.04.2018		14.04.2018		4				
Kod Pegawai Pengawal Menyedia		E1		Perihal Pegawai Pengawal : Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan										
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Menyedia		51340101		Perihal Kumpulan PTJ : Kementerian Pertahanan										
				Perihal Pusat Tanggungjawab : Markas Medan Tentera Darat										
Perihal		Pelarasan Perbelanjaan Projek Tersalah Caj – AP B0121												
KEGUNAAN MEMBATALKAN REKOD BAUCAR JURNAL SAHAJA														
No. Dokumen Kawalan								No. Dokumen						
PINDAHAN / PELARASAN DIMASUK KIRA KE DALAM AKAUN DI BAWAH														
Kod Dipertanggung												Kod Membayar		
Bil.	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ/PTJ	Vot/ Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Kod Akaun	Kod Subsidiari	Amaun (DT) RM	Amaun (KT) RM	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ/PTJ
Kod Kegunaan Pusat Tanggungjawab														
1	E1	51340101	P60		084000	013	0000		A1635691		5,000.00		E1	51340101
2	E1	51340101	P60		00200	100	0137		A1635691			5,000.00	E1	51340101
3														
Jumlah											5,000.00	5,000.00		

Arahan Pembayaran

8.4.4 PTJ Pengurusan Ibu Pejabat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah membuat pembayaran sebanyak RM 200,000.00 bagi satu projek pembangunan setelah menerima perakuan bayaran interim.

Andaian

Vot	:	P31
Pegawai Pengawal	:	D1
Kumpulan PTJ	:	39 - Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos	:	010100 - Pengurusan Ibu Pejabat
Projek	:	011000020020 - Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Gunung Jerai
Kod Akaun	:	A2033199 - Kemudahan Lain Dalam Pembinaan

**SPANM BIL. 7/2017
LAMPIRAN A**


		KERAJAAN MALAYSIA ARAHAN PEMBAYARAN						(Kew. 330E) Muka surat /					
Tahun Kewangan 2018													
Jenis Urusniaga		Pejabat Perakaunan		No.Arahan Pembayaran		Tarikh Arahan Pembayaran		Bulan Perakaunan		AP 96(a)		AP58(a)	
K2		1119		A0021		29.01.2018		1					
Kod Pegawai Pengawal Pembayar		D1		Perihal Pegawai Pengawal : Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan & Kebudayaan									
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Pembayar		39010100		Perihal Kumpulan PTJ : Kementerian Pelancongan & Kebudayaan									
				Perihal Pusat Tanggungjawab : Pengurusan Ibu Pejabat									
Nama Penerima		ALI ABU SDN BHD											
No. Pendaftaran/No. ID		215363 - S						Akaun Subsidiari					
Alamat Penerima		14, Lorong Sampan, Taman Industri Puchong											
Emel Penerima		abu@yahoo.com		No. H/P		0108824361		No. Faks		0376943253		No. Gaji	
Kod dan Nama Bank		BCBMMYKL		CIMB				No. Akaun Bank Penerima		421332555012			
Maklumat Bayaran		Berganda (bil.)				No. EFT/Cek/Bank Draf/TT				Tarikh			
Perihal Bayaran		Bayaran Interim No. 25											
Pesanan / Kebenaran				Nota Penerimaan				Invois Pembekal					
Tarikh		No. Rujukan		Amaun (RM)		Tarikh		No. Rujukan		Amaun (RM)			
						15.01.2018		A0001		200,000.00			
URUSNIAGA DIMASUK KIRA KE DALAM AKAUN DI BAWAH													
KOD DIPERTANGGUNG													
Bil.	Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Kod Akaun	Amaun (RM)			
1.	D1	39010100	P31		01100	002	0020		A2033199	200,000.00			
JUMLAH PERLU DIBAYAR:										200,000.00			
Ringgit Malaysia : Dua Ratus Ribu Sahaja													

8.5 Klasifikasi Kod Projek

Setiap Kementerian/Jabatan diberi kuasa untuk menentukan dan merangka kod projek bermula dari Butiran projek bagi setiap maksud projek pembangunan mengikut struktur dan organisasi Kementerian/Jabatan masing-masing. Walau bagaimanapun, sebarang pewujudan butiran baharu hendaklah dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi terlebih dahulu.

8.6 Struktur Kod Projek

Struktur kod projek dibentuk untuk memudahkan kawalan peruntukan dan penyediaan laporan berkaitan projek pembangunan. Kod projek ini dipecahkan kepada komponen seperti berikut:



8.7 Penentuan Kod Projek Dan Perihal

8.7.1 Penentuan kod projek dan perihal disediakan oleh Kementerian/Jabatan berdasarkan struktur dan klasifikasi kod projek yang dipersetujui di peringkat pengurusan Kementerian/Jabatan.

8.7.2 Setiap kod mestilah disertakan dengan perihal agar dapat memberi gambaran tentang projek berkenaan. Perihal hendaklah disingkatkan dan tidak melebihi saiz medan komputer yang dibenarkan untuk tujuan format laporan.

9. KOD PEJABAT PERAKAUNAN

9.1 Takrifan Pejabat Perakaunan

9.1.1 **Pejabat Perakaunan** adalah merujuk kepada Pejabat Akauntan Negara di Kementerian/Negeri/Cawangan bagi Kerajaan Persekutuan manakala bagi Kerajaan Negeri ianya merujuk kepada pejabat Akauntan Negeri/Bendahari Negeri.

9.1.2 Pejabat Perakaunan berfungsi sebagai pejabat yang memperakaunkan kutipan hasil Kerajaan dan menguruskan pembayaran bagi perbelanjaan yang dibuat oleh Kementerian/Jabatan yang diberikan khidmat. Maklumat perakaunan di Pejabat Perakaunan akan disatukan di peringkat Ibu Pejabat JANM bagi membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan.

9.2 Tujuan Pengkelasan Pejabat Perakaunan

9.2.1 Pengkodan ini membolehkan sumber dan pemprosesan maklumat perakaunan bagi setiap Pejabat Perakaunan dikenalpasti dengan cara yang sistematik. Output daripada maklumat di Pejabat Perakaunan adalah Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan secara bulanan dan tahunan.

9.2.2 Pengkelasan ini juga memberi kemudahan untuk mendapatkan maklumat dari kawasan/bahagian di kesemua Pejabat Perakaunan mengikut kedudukan samada Negeri, Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan dan mengikut Kementerian bagi Bahagian Akaun Kementerian/Jabatan.

9.3 Penggunaan Kod Pejabat Perakaunan

9.3.1 Kod ini digunakan oleh Pejabat Perakaunan dan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) dalam urusan pemantauan kedudukan akaun dan pelaporan melalui 1GFMAS.

- 9.3.2 Kod Pejabat Perakaunan digunakan untuk pengenalan kepada sesebuah Pejabat Perakaunan di mana semua urusan yang berlaku adalah urusan yang dilaksanakan oleh semua PTJ yang diberi khidmat oleh sesuatu Pejabat Perakaunan berkenaan sahaja.
- 9.3.3 Apabila data atau maklumat daripada Pejabat Perakaunan diterima secara elektronik, sistem terlebih dahulu akan membaca pengenalan Pejabat Perakaunan melalui kod ini bagi memproses data dan mengemaskinikan maklumat akaun Pejabat Perakaunan di peringkat Ibu Pejabat.
- 9.3.4 Di dalam persekitaran elektronik, kod Pejabat Perakaunan untuk input kepada dokumen kewangan di PTJ telah ditentukan secara automatik kepada kod Pejabat Perakaunan bagi PTJ tersebut. Kod Pejabat Perakaunan mengenalpasti Pejabat Perakaunan yang bertanggungjawab atas urusan yang dilaksanakan melalui dokumen di peringkat PTJ yang diberi khidmat.
- 9.3.5 Pada masa ini pelaporan berdasarkan lokasi negeri menggunakan maklumat kod Pejabat Perakaunan bagi menunjukkan prestasi perbelanjaan atau terimaan yang berlaku di sesuatu negeri.
- 9.3.6 Laporan di peringkat Kementerian adalah berdasarkan gabungan urusan perbelanjaan, hasil dan amanah yang berlaku di Pejabat Perakaunan. Kod Pejabat Perakaunan merupakan lokasi bagi urusan perbelanjaan, hasil atau amanah pada laporan peringkat Kementerian tersebut.

9.4 Contoh Penggunaan Kod Pejabat Perakaunan

Waran Peruntukan

9.4.1 Kod Pejabat Perakaunan di Waran Peruntukan menunjukkan tanggungjawab memperakaunkan urusan PTJ bagi sesuatu Pejabat Perakaunan.

Andaian

Pejabat Perakaunan : Bahagian Akaun Jabatan Perdana Menteri, 1101

	KERAJAAN MALAYSIA (Kew. 308E : Pin. 1/2016) WARAN PERUNTUKAN Muka surat /			
Belanjawan Bagi Tahun 2018				
Jenis Urusniaga	Pejabat Perakaunan	No.Dokumen	Tarikh Dokumen	Tarikh Dokumen Diterima
F6	1101	B0001	25.06.2018	25.06.2018
Kod Pegawai Pengawal Mengeluar		Perihal Pegawai Pengawal Mengeluar :		
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Mengeluar		Perihal Kumpulan PTJ :		
		Perihal Pusat Tanggungjawab :		
Perihal				

Penyata Pemungut

9.4.2 Kod Pejabat Perakaunan di Penyata Pemungut menunjukkan tanggungjawab memperakaunkan urusan terimaan PTJ bagi sesuatu Pejabat Perakaunan.

Andaian

Pejabat Perakaunan : Jabatan Akauntan Negara Sarawak, 1030


		KERAJAAN MALAYSIA (Kew. 305E : Pin. 1/2016) PENYATA PEMUNGUT Muka surat /		
Tahun Kewangan 2018				
Jenis Urusniaga	Pejabat Perakaunan	No.Dokumen	Tarikh Dokumen	Tarikh Dokumen Diterima
D1	1030	A0001	03.01.2018	03.01.2018
Kod Pegawai Pengawal Penyedia		Perihal Pegawai Pengawal:		
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Penyedia		Perihal Kumpulan PTJ : Perihal PTJ :		
Jenis Pungutan		Perihal Pungutan:		
Tempoh Pungutan				Tarikh Diterima Oleh Bank
Dari :		Hingga :		

9.5 Klasifikasi Kod Pejabat Perakaunan

9.5.1 Kod Pejabat Perakaunan boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori utama seperti berikut:

- (a) Pejabat Perakaunan Negeri/Cawangan; dan
- (b) Bahagian Akaun Kementerian/Jabatan

9.5.2 Pengkelasan Pejabat Perakaunan adalah seperti gambarajah di bawah:



9.6 Struktur Kod Pejabat Perakaunan


9.6.1 Kod Pejabat Perakaunan mengandungi empat (4) aksara nombor. Dua (2) aksara pertama menunjukkan kategori bagi Pejabat Perakaunan tersebut iaitu Negeri/Cawangan atau Bahagian Akaun Kementerian/Jabatan.

9.6.2 Bagi Pejabat Perakaunan Negeri/ Cawangan, aksara ketiga menunjukkan lokasi Pejabat Perakaunan tersebut iaitu Semenanjung (angka 0 atau 1), Sabah (angka 2) dan Sarawak (angka 3). Aksara keempat akan menyenaraikan Pejabat Perakaunan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Ia ditunjukkan seperti contoh berikut:

Dua Aksara Pertama		Dua Aksara Terakhir		Kod Pej. Perakaunan
10	Negeri dan Cawangan	01	JANM Cawangan Johor	1010
		02	JANM Cawangan Kedah	1002
		03	JANM Cawangan Kelantan	1003
		20	JANM Sabah	1020
10	Negeri dan Cawangan	21	JANM Cawangan Keningau	1021
		22	JANM Cawangan Sandakan	1022
		30	JANM Sarawak	1030
		31	JANM Cawangan Sri Aman	1031
		32	JANM Cawangan Sibu	1032
11	Bahagian Akaun Kementerian/Jabatan	01	Jabatan Perdana Menteri	1101
		02	Kementerian Kewangan	1102
		03	Kementerian Pengangkutan	1103

9.7 Penentuan Kod Pejabat Perakaunan Dan Perihal

- 9.7.1 Pejabat Perakaunan baharu akan diberi kod mengikut susunan tarikh pewujudan Pejabat Perakaunan tersebut.
- 9.7.2 Setiap kategori Pejabat Perakaunan membentuk turutan nombor seperti ditunjukkan dalam jadual pengkodan di bawah:



9.7.3 Perihal bagi setiap Pejabat Perakaunan adalah nama Negeri/Cawangan atau Kementerian/Jabatan di mana Pejabat Perakaunan tersebut berada. Bagi tujuan sistem prosesan ia perlu disingkatkan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh JANM.

9.7.4 Senarai Kod Pejabat Perakaunan adalah seperti di **Lampiran A5**.

10.KOD NEGERI

10.1 Takrifan Negeri

Negeri merupakan gabungan daerah di bawah pemerintahan sesebuah Kerajaan. Kod negeri merupakan kod yang diperuntukkan bagi negeri di Malaysia dan mengandungi dua (2) aksara nombor. Di samping itu juga terdapat kod daerah yang menunjukkan bilangan daerah bagi setiap negeri dan kod ini juga terdiri daripada dua (2) aksara nombor.

10.2 Tujuan Pengkelasan Negeri

Pengkelasan ini membolehkan sistem mengenalpasti maklumat berkaitan urusniaga sesebuah negeri dan digunakan bagi tujuan pemantauan oleh SPP II dan pelaporan lain yang dikeluarkan oleh JANM.

10.3 Penggunaan Kod Negeri

Kod ini digunakan untuk membentuk fail Kumpulan PTJ dan PTJ/PK bagi tujuan pelaporan. Kod negeri hanya digunakan semasa mewujudkan kod PTJ/PK yang baharu.

10.4 Pengkelasan Kod Negeri

Kod ini adalah dikelaskan mengikut turutan dan disusun mengikut abjad bermula dari Johor dan diakhiri dengan Wilayah Persekutuan.

10.5 Struktur Kod Negeri

Struktur kod ini mempunyai dua (2) tahap. Dua (2) aksara pertama menunjukkan identiti negeri dan aksara ketiga dan keempat menunjukkan identiti daerah.

10.6 Penentuan Kod Dan Perihal

10.6.1 Kod negeri dan daerah adalah diperuntukkan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Daerah baharu yang diwujudkan akan diberikan kod di dalam susunan kronologikal.

10.6.2 Senarai Kod Negeri dan Daerah adalah seperti di **Lampiran A6**.

11.KOD AMANAH

11.1 Takrifan Amanah

Kod Amanah

11.1.1 Akaun Amanah terdiri daripada:

- (a) Akaun Amanah Awam yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957;
- (b) Akaun Amanah Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957;
- (c) Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah akta masing-masing; dan
- (d) Akaun Deposit.

11.1.2 Takrifan Akaun Amanah seperti berikut:

(a) **Akaun Amanah Disatukan**

Satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua terimaan dan bayaran wang amanah diakaun mengikut kehendak akta berkaitan amanah, Surat Ikatan Amanah, Arahan Akaun Amanah, undang-undang atau perjanjian bagi maksud berkaitan. Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 dan 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61).

(b) **Kumpulan Akaun Amanah Awam (Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957).**

Perakaunan caruman wang daripada badan-badan dan/atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan tertakluk kepada kuasa yang diberi melalui Arahan Akaun Amanah.

(c) Kumpulan Akaun Amanah Kerajaan (Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957).

Perakaunan caruman wang yang diterima dan dibayar oleh mana-mana Kumpulan Wang Amanah mengikut terma dan peraturan yang dinyatakan di dalam Surat Ikatan Amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.

(d) Akaun Deposit

Perakaunan wang yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan/ Negeri bagi maksud tertentu di bawah mana-mana undang-undang atau perjanjian dan perlu dipulangkan apabila maksud telah tercapai.

11.1.3 Kod Amanah adalah satu siri kod lapan (8) aksara terdiri daripada satu (1) abjad dan tujuh (7) angka yang diperuntukkan bagi setiap lejar akaun amanah. Kod Amanah ini dibentuk bagi mengenalpasti jenis akaun amanah serta menentukan klasifikasi lejar amanah sama ada sebagai Aset, Liabiliti atau Ekuiti. Struktur kod amanah yang sistematik membolehkan akaun amanah menyediakan penyata kewangan masing-masing serta data perakaunan dapat dikumpulkan untuk penyediaan penyata kewangan disatukan.

Kod Dana

11.1.4 Kod Dana adalah siri kod empat (4) aksara yang diberikan kepada setiap akaun amanah bagi menentukan dana untuk setiap akaun amanah. Kod ini terdiri daripada satu (1) abjad mengikut kelas akaun amanah dan tiga (3) angka terakhir kod amanah kecuali Akaun Deposit yang akan menggunakan kod Dana Am (G000). Kod Dana akan digunakan dalam dokumen kewangan bagi semua urusan akaun amanah.

11.2 Tujuan Pengkelasan Amanah

Tujuan pengkelasan kod ini adalah bagi mengenalpasti jenis akaun amanah untuk penyediaan penyata kewangan amanah dan dilaporkan mengikut kelas akaun dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Kod ini membolehkan sistem mendapatkan semula, menyusun dan menyatukan maklumat kewangan pada pelbagai tahap secara sistematik bagi tujuan penyelenggaraan akaun dan pelaporan.

11.3 Penggunaan Kod Amanah Dan Kod Dana

11.3.1 Penggunaan Kod Amanah dan Kod Dana di dalam dokumen kewangan bagi semua urusan terimaan, bayaran dan pelarasan Akaun Amanah adalah seperti berikut:

(a) **Akaun Amanah Kerajaan dan Awam termasuk Amanah Khas**
Menggunakan Kod Dana di dalam dokumen kewangan dan urusan akan dikemaskini secara automatik oleh sistem kepada Kod Amanah berkaitan.

(b) **Akaun Deposit dan Akaun Penyelesaian**
Menggunakan Kod Amanah di dalam dokumen kewangan.

11.3.2 Kod Amanah dan Kod Dana akan dikawal penggunaannya berdasarkan kod Kumpulan PTJ. Kawalan ke atas kod ini bertujuan untuk memastikan kod ini digunakan oleh Kumpulan PTJ yang berkenaan sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat Kod Amanah tertentu yang merupakan akaun gunasama yang boleh digunakan oleh semua Kumpulan PTJ/PTJ.

11.4 Contoh Penggunaan Kod Amanah

Arahan Pembayaran

11.4.1 Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan membuat pembayaran bagi perolehan buku menggunakan sumber Akaun Amanah Penghasilan Buku Teks. Perolehan ini menggunakan sistem ePerolehan.

Andaian

Pegawai Pengawal	:	D3
Kumpulan PTJ	:	41 - Kementerian Pendidikan (Pelajaran)
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos	:	220501 - Bahagian Buku Teks
Kod Amanah	:	L1212613 - Akaun Amanah Penghasilan Buku Teks
Kod Dana	:	L613
Kod Deposit	:	L1121104 – Deposit Bayaran Kepada Commerce Dot Com
Kod Dana	:	G000
Kod Akaun	:	B0229201 - Percetakan dan Penerbitan

		KERAJAAN MALAYSIA ARAHAN PEMBAYARAN						(Kew. 330E) Muka surat /		
		Tahun Kewangan 2018								
Jenis Urusniaga		Pejabat Perakaunan		No.Arahan Pembayaran	Tarikh Arahan Pembayaran	Bulan Perakaunan	AP 96(a)		AP58(a)	
K2		1109		A0001	19.03.2018	3				
Kod Pegawai Pengawal		D3		Perihal Pegawai Pengawal : Ketua Setiausaha Pelajaran						
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Pembayar		41220501		Perihal Kumpulan PTJ : Pelajaran						
				Perihal Pusat Tanggungjawab : Bahagian Buku Teks						
Nama Penerima		AMMAR ENTERPRISE								
No. Pendaftaran/No. ID		215312 - S				Akaun Subsidiari				
Alamat Penerima		No. 1, Persiaran 14, Putrajaya								
Emel Penerima		am@gmail.com		No. H/P	0138825563	No. Faks	0326943351	No. Gaji		
Kod dan Nama Bank		MBBEMYKL		MAYBANK		No. Akaun Bank Penerima		511322565011		
Maklumat Bayaran		Berganda (bil.)				No. EFT/Cek/Bank Draf/TT		Tarikh		
Perihal Bayaran		Bekalan Buku Teks Darjah 1								
Pesanan / Kebenaran			Nota Penerimaan			Invois Pembekal				
Tarikh	No. Rujukan	Amaun (RM)	Tarikh	No. Rujukan	Kuantiti	Tarikh	No. Rujukan	Amaun (RM)		
04.03.2018	PT00001	43,000.00	11.03.2018	A123456	100	12.03.2018	11225	43,000.00		
URUSNIAGA DIMASUK KIRA KE DALAM AKAUN DI BAWAH										
KOD DIPERTANGGUNG										
Bil.	Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Kod Akaun	Amaun (RM)
1.	D3	41220501	L613						B0229201	43,000.00
2.	D3	41220501	G000						L1121104	(344.00)
JUMLAH PERLU DIBAYAR:									42,656.00	
Ringgit Malaysia : Empat Puluh Dua Ribu Enam Ratus Lima Puluh Enam Sahaja										

Penyata Pemungut

11.4.2 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Perak telah menerima hasil jualan bagi Akaun Amanah Kebajikan Dan Kemajuan Orang Asli Perak/Kedah sebanyak RM 1,000.00.

Andaian

Pegawai Pengawal	:	C2
Kumpulan PTJ	:	31 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos	:	030200 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Perak dan Kedah
Amanah	:	L1212751 - Akaun Amanah Kebajikan dan Kemajuan Orang Asli Perak/Kedah
Kod Dana	:	L751
Kod Akaun	:	H0273999 - Jualan-jualan Yang Lain

SPANM BIL. 7/2017
LAMPIRAN A

		KERAJAAN MALAYSIA PENYATA PEMUNGUT										(Kew. 305E : Pin. 1/2016) Muka surat /	
Tahun Kewangan 2018													
Jenis Urusniaga		Pejabat Perakaunan		No.Dokumen		Tarikh Dokumen				Tarikh Dokumen Diterima			
D1		1008		D0011		03.04.2018				03.04.2018			
Kod Pegawai Pengawal Penyedia		C2		Perihal Pegawai Pengawal: Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah									
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Penyedia		31030200		Perihal Kumpulan PTJ : Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah Perihal PTJ : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Perak									
Jenis Pungutan		C		Perihal Pungutan: Jualan Barangan Rotan									
Tempoh Pungutan										Tarikh Diterima Oleh Bank			
Dari :		02.04.2018		Hingga :		02.04.2018							
PUNGUTAN DIMASUKIRA KE DALAM AKAUN-AKAUN DI BAWAH													
Kod Dipertanggung													
Bil.	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ/PTJ	Vot/ Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Kod Akaun	Kod Pembekal	Amaun		
	Perihal										RM	Sen	
1	C2	31030200	L751						H0273999		1,000	00	
2													
JUMLAH												1,000	00

Baucar Jurnal

- 11.4.3 Ibu Pejabat Kementerian Belia dan Sukan membuat pelarasan yang melibatkan pindahan dari akaun deposit Penerimaan Yang Tidak Diperuntukkan bagi terimaan yang pada mulanya tidak dikenalpasti ke akaun amanah yang sepatutnya.

Andaian

Pegawai Pengawal	:	D6
Kumpulan PTJ/PTJ	:	46 - Kementerian Belia dan Sukan
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos	:	010000 - Ibu Pejabat Kementerian Belia dan Sukan
Kod Deposit	:	L1121107 - Penerimaan Yang Tidak Diperuntukkan
Kod Dana	:	G000
Kod Amanah	:	L1212549 - Akaun Amanah Rakan Muda
Kod Dana	:	L549
Kod Akaun	:	H0182599 - Terimaan-Terimaan Yang Lain

SPANM BIL. 7/2017
LAMPIRAN A

		KERAJAAN MALAYSIA BAUCAR JURNAL										(Kew. 306 : Pin. 1/2016) Muka surat /		
Tahun Kewangan 2018														
Jenis Urusniaga		Pejabat Perakaunan		No.Dokumen		Tarikh Dokumen		Tarikh Dokumen Diterima		Bulan Perakaunan		AP58(a)		
S2		1123		D0001		15.02.2018		15.02.2018		2				
Kod Pegawai Pengawal Menyedia		D6		Perihal Pegawai Pengawal : Ketua Setiausaha Kementerian Belia & Sukan										
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Menyedia		46010000		Perihal Kumpulan PTJ : Kementerian Kementerian Belia & Sukan										
				Perihal Pusat Tanggungjawab : Ibu Pejabat Kementerian Belia & Sukan										
Perihal		Pelarasan Terimaan Tidak Diperuntukkan Kepada Akaun Amanah Sepatutnya												
KEGUNAAN MEMBATALKAN REKOD BAUCAR JURNAL SAHAJA														
No. Dokumen Kawalan								No. Dokumen						
PINDAHAN / PELARASAN DIMASUK KIRA KE DALAM AKAUN DI BAWAH														
Kod Dipertanggung												Kod Membayar		
Bil.	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ/PTJ	Vot/ Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Kod Akaun	Kod Subsidiari	Amaun (DT) RM	Amaun (KT) RM	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ/PTJ
Kod Kegunaan Pusat Tanggungjawab														
1	D6	46010000	G000						L1121107		5,000.00		D6	46010000
2	D6	46010000	L549						H0182599			5,000.00	D6	46010000
3														
Jumlah											5,000.00	5,000.00		

11.5 Klasifikasi Kod Amanah

Kod Amanah dikelaskan seperti berikut:

E0211000 Akaun Amanah Kerajaan

E0211100	Kumpulanwang Pembangunan
E0211200	Kumpulanwang Pinjaman Perumahan
E0211300	Akaun Penyelesaian
E0211400	Kumpulanwang Luar Jangka
E0211500	Akaun Pinjaman
E0211600	Akaun Pendahuluan
E0211700	Pelbagai Kumpulanwang

L1210000 Akaun Amanah Awam

L1211000	Akaun Amanah Khas
L1212000	Akaun Amanah Am

L1300000 Akaun Penyelesaian (Tanggungan Lain)

L1311000	Akaun Penyelesaian Gaji
L1312000	Akaun Penyelesaian Lain

L1100000 Akaun Deposit

L1111000	Deposit Am – Gunasama
L1112000	Deposit Am – Khusus
L1121000	Deposit Pelarasan – Gunasama
L1122000	Deposit Pelarasan – Khusus

11.6 Nota Khas

- 11.6.1 Terdapat beberapa akaun amanah yang mempunyai akaun subsidiari. Semua Akaun Deposit perlu mempunyai subsidiari kerana terdapat keperluan untuk pembayaran balik setelah maksud bayaran deposit tersebut dicapai. Akaun subsidiari ini perlu diselenggara dan diselaraskan dengan akaun kawalan.
- 11.6.2 Terdapat beberapa kod amanah yang digunakan sebagai kod akaun penyelesaian dan sebahagian besar daripadanya adalah berkaitan dengan potongan gaji. Akaun ini perlu dikosongkan pada setiap akhir bulan dan akhir tahun.

- 11.6.3 Bagi Akaun Amanah, kod Carta Akaun Akruan perlu digunakan bersama kod dana dalam penyediaan dokumen kewangan.

12.KOD OBJEK

12.1 Takrifan Objek

- 12.1.1 Objek digunakan untuk mengenalpasti jenis perbelanjaan yang dibuat dan hasil yang diterima oleh Kerajaan. Kod objek merupakan kod yang disediakan untuk digunakan bagi penjenisan hasil dan perbelanjaan dalam penyediaan Anggaran Hasil Persekutuan dan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan. Kod objek mempunyai lima (5) aksara nombor dan terdapat empat (4) tahap kawalan iaitu Objek Am, Objek Sebagai, Objek Kumpulan Lanjut dan Objek Lanjut. Penerangan tahap kod objek adalah seperti berikut :

Objek Am – merupakan satu kumpulan Objek Sebagai perbelanjaan atau hasil.

Objek Sebagai – merupakan sesuatu jenis perbelanjaan atau hasil yang dijeniskan di bawah sesuatu Objek Am.

Objek Kumpulan Lanjut – merupakan suatu kumpulan Objek Lanjut.

Objek Lanjut – merupakan suatu jenis perbelanjaan atau hasil yang dijeniskan di bawah suatu Objek Kumpulan Lanjut.

- 12.1.2 Penerangan terperinci tentang kod objek boleh didapati dalam Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1 (Penjenisan Kod Bagi Hasil Dan Perbelanjaan).

12.2 Tujuan Pengkelasan Objek

- 12.2.1 Pengkelasan objek bertujuan untuk menyediakan satu jenis pengkoden yang seragam bagi semua terimaan dan perbelanjaan Kerajaan. Ini bagi membolehkan maklumat ekonomi diperolehi untuk kegunaan pengurusan, agensi pusat dan Kerajaan.
- 12.2.2 Sebagai contoh, data untuk Objek Sebagai dijumlahkan bagi membolehkan Kementerian/Jabatan membuat analisa perbelanjaan dan terimaan berkaitan anggaran perbelanjaan dan hasil bagi sesuatu tempoh tahun kewangan. Jabatan Perangkaan menggunakan pengkoden objek ini untuk memudahkan formulasi pelaporan berkaitan ekonomi dan sebagainya.

12.3 Penggunaan Kod Objek

- 12.3.1 Proses penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan menggunakan klasifikasi kod objek. Pada tahap PTJ, anggaran perbelanjaan disediakan pada tahap Objek Lanjut, Objek Kumpulan Lanjut dan Objek Sebagai. Anggaran Perbelanjaan yang telah disatukan di peringkat Kementerian dikemukakan ke Perbendaharaan pada tahap Objek Am. Ini adalah tahap di mana Parlimen meluluskan tahap perbelanjaan dan menganggarkan hasil yang dikutip pada tahap Objek Lanjut. Kedua-dua anggaran hasil dan perbelanjaan dilaporkan ke Parlimen melalui Anggaran Hasil Persekutuan dan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan.
- 12.3.2 Kawalan peruntukan menerusi Waran Peruntukan akan menggunakan kod objek manakala kod Carta Akaun Akruan mestilah digunakan untuk kesemua perekodan urusan perbelanjaan Vot dan hasil di dalam dokumen kewangan. Perekodan urusan amanah juga perlu menggunakan kod Carta Akaun Akruan yang akan menyediakan maklumat perbelanjaan terlibat dan terimaan yang dibuat bagi akaun amanah yang berkaitan.

- 12.3.3 Perekodan Waran Peruntukan di dalam sistem 1GFMAS perlu menggunakan kod objek pada tahap Objek Sebagai. Pengagihan peruntukan dari Pegawai Pengawal kepada Jabatan/Bahagian/PTJ akan menggunakan tahap klasifikasi Objek Sebagai untuk mengawal tahap jenis perbelanjaan di peringkat Jabatan/Bahagian/PTJ.
- 12.3.4 Lima (5) aksara terakhir kod Carta Akaun Akruan yang dipadankan kepada kod objek ini membolehkan kawalan jenis perbelanjaan yang diterangkan di perenggan di atas. Ia juga memudahkan berbagai tahap pelaporan bagi perbelanjaan dan hasil.
- 12.3.5 Laporan berkaitan perbelanjaan dan hasil yang menggunakan kod objek akan membolehkan pihak Perbendaharaan, Jabatan Perangkaan, Kementerian/Jabatan dan JANM untuk membuat analisa aliran perbelanjaan dan kecenderungan kutipan hasil bagi tujuan perancangan pengurusan, pengukuran prestasi dan kawalan yang selanjutnya.
- 12.3.6 Contoh laporan berdasarkan objek ialah Penyata Prestasi Belanjawan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan di mana perbelanjaan dan hasil ditunjukkan pada tahap Objek Am.

12.4 Contoh Penggunaan Kod Objek

Waran Peruntukan

12.4.1 Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara mengeluarkan satu Waran Peruntukan Kecil bagi aktiviti Khidmat Sokongan bagi membiayai operasi Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak.

Andaian


Vot	:	B62
Pegawai Pengawal	:	E2
Kumpulan PTJ	:	56 - Jabatan Pendaftaran Negara
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos Mengeluar	:	010100 - Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos Menerima	:	120100 - Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak
Program/Aktiviti	:	060100 - Khidmat Sokongan
Kod Objek	:	27000 - Bekalan dan Bahan-Bahan Lain

SPANM BIL. 7/2017
LAMPIRAN A

			KERAJAAN MALAYSIA WARAN PERUNTUKAN										(Kew. 308E : Pin. 1/2016) Muka surat /	
Belanjawan Bagi Tahun 2018														
Jenis Urusniaga			Pejabat Perakaunan		No.Dokumen		Tarikh Dokumen			Tarikh Dokumen Diterima				
F4			1102		A0011		20.06.2018			20.06.2018				
Kod Pegawai Pengawal Mengeluar			E2		Perihal Pegawai Pengawal Mengeluar : Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri									
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Mengeluar			56010100		Perihal Kumpulan PTJ : Jabatan Pendaftaran Negara									
					Perihal Pusat Tanggungjawab : Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya									
Perihal			Peruntukan Kecil Bil. 2/2017											
1. Tuan adalah diberi kuasa melakukan perbelanjaan yang ditentukan di bawah dalam tempoh 01 hb Januari hingga 31 Disember YYYY. Untuk berbuat demikian, waran ini bersama dengan Bil Perakuan dan Penyelesaian yang sempurna adalah mencukupi bagi melepaskan tanggungan ini. 2. Perbelanjaan yang melebihi peruntukan ini adalah tidak dibenarkan melainkan jika ada peruntukan tambahan yang diberi kepada tuan melalui waran peruntukan selanjutnya.														
KEGUNAAN MEMBATALKAN REKOD PERUNTUKAN SAHAJA														
No. Dokumen Kawalan					No. Rujukan Dokumen									
PERUNTUKAN DIMASUK KIRA KEPADA AKAUN-AKAUN DI BAWAH														
KOD MENERIMA			KOD DIPERTANGGUNG											
Bil.	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ & PTJ	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ & PTJ	Vot	Program / Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Objek	Amaun (RM)	+ / -	
1	E2	56120100	E2	56010100	B62	060100					27000	200,000.00	+	
2														
3														
JUMLAH												200,000.00	+	

12.5 Klasifikasi Kod Objek

12.5.1 Pada peringkat yang lebih luas, dua (2) kategori utama objek ditunjukkan seperti berikut :



12.5.2 Perincian lanjut tentang kod objek ini boleh didapati di dalam Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1 (Penjenisan Kod bagi Hasil dan Perbelanjaan).

12.5.3 Seterusnya sebarang tambahan dan penghapusan akan diputuskan oleh JANM atas permohonan Kementerian/Jabatan.

12.6 Struktur Kod Objek

Kod objek mengandungi lima (5) aksara nombor. Aksara yang pertama dikenalpasti dalam kumpulan Objek Am. Aksara berikutnya adalah Objek Sebagai dan aksara yang ketiga adalah Objek Kumpulan Lanjut. Dua (2) aksara yang terakhir menunjukkan Objek Lanjut.

12.7 Penentuan Kod Objek Dan Perihal

Kod dan keterangan kod adalah ditentukan oleh JANM seperti mana yang terdapat di dalam Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1 (Penjenisan Kod bagi Hasil dan Perbelanjaan). Sebarang keperluan untuk mewujudkan atau menghapus kod perlu dikemukakan kepada JANM.

13.KOD CARTA AKAUN AKRUAN (CAA)

13.1 Takrifan Carta Akaun Akruan (CAA)

Carta Akaun Akruan (CAA) merupakan senarai kod akaun yang disediakan untuk merekodkan semua urusan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pelaporan. Carta Akaun Akruan disediakan berdasarkan lima (5) kategori utama iaitu Hasil (H), Belanja (B), Aset (A), Liabiliti (L) dan Ekuiti (E) berasaskan piawaian perakaunan yang ditetapkan.

13.2 Tujuan Pengkelasan Carta Akaun Akruan (CAA)

Carta Akaun Akruan (CAA) dibentuk berdasarkan profil yang ditetapkan bagi memudahkan data kewangan yang seragam dikenalpasti, disatukan dan dilaporkan di peringkat Kementerian/Jabatan, agensi pusat atau Kerajaan Persekutuan.

13.3 Penggunaan Kod Carta Akaun Akruan (CAA)

13.3.1 Kod Kawalan peruntukan di peringkat Kementerian/Jabatan yang dilaksanakan menerusi Waran Peruntukan akan menggunakan kod objek. Kod Carta Akaun Akruan (CAA) digunakan bagi tujuan berikut:

- (a) Merekod semua urusan perbelanjaan Vot, terimaan hasil dan pelarasan perakaunan di dokumen kewangan.
- (b) Merekod urusan amanah yang menyediakan maklumat perbelanjaan dan terimaan bagi akaun amanah yang berkaitan.

13.3.2 Di dalam dokumen kewangan medan kod Carta Akaun Akruan (CAA) dinamakan Kod Akaun.

13.4 Contoh Penggunaan Kod Carta Akaun Akruan (CAA)

Penyata Pemungut

13.4.1 Jabatan Penjara Seremban telah membuat pungutan bagi dua (2) urusanniaga yang melibatkan terimaan balik perbelanjaan Vot dan terimaan bagi Akaun Amanah Pendapatan Penghuni Penjara.

Andaian

Vot	:	B62
Pegawai Pengawal	:	E2
Kumpulan PTJ	:	57 - Jabatan Penjara
Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos	:	090100 - Penjara Seremban
Program/Aktiviti	:	030300 - Pemulihan dan Rawatan
Amanah	:	L1211407 - Akaun Amanah Pendapatan Penghuni Penjara
Kod Dana	:	L407
Kod Akaun 1	:	B0227201 - Bekalan Am
Kod Akaun 2	:	H0273202 - Jualan Wokshop Penjara

SPANM BIL. 7/2017
LAMPIRAN A

		KERAJAAN MALAYSIA PENYATA PEMUNGUT										(Kew. 305E : Pin. 1/2016) Muka surat /	
Tahun Kewangan 2018													
Jenis Urusniaga		Pejabat Perakaunan		No.Dokumen		Tarikh Dokumen				Tarikh Dokumen Diterima			
D1		1005		D0001		04.04.2018				04.04.2018			
Kod Pegawai Pengawal Penyedia		E2		Perihal Pegawai Pengawal: Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri									
Kod Kumpulan PTJ & PTJ Penyedia		57090100		Perihal Kumpulan PTJ : Jabatan Penjara Perihal PTJ : Penjara Seremban									
Jenis Pungutan		C		Perihal Pungutan: Terimaan Balik Perbelanjaan Tahun Semasa dan Hasil Jualan Wokshop									
Tempoh Pungutan										Tarikh Diterima Oleh Bank			
Dari :		02.04.2018		Hingga :		02.04.2018							
PUNGUTAN DIMASUKIRA KE DALAM AKAUN-AKAUN DI BAWAH													
Kod Dipertanggung													
Bil.	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ/PTJ	Vot/ Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP	Kod Akaun	Kod Pembekal	Amaun		
	Perihal										RM	Sen	
